

Prevent 2014 kongsi idea tangani isu dadah

■ SARINAH MAT KASIM

NILAI - Seminar Antarabangsa Pencegahan Penyalahgunaan Dadah 2014 (Prevent 2014) yang diadakan selama dua hari di Universiti Sains Islam Antarabangsa (Usim), mampu mencetuskan pelbagai idea dalam menangani isu pemulihan dan penyalahgunaan dadah.

Seminar anjuran Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Acreda) Usim itu, merupakan platform yang memberi peluang kepada orang ramai untuk berkongsi idea, pengalaman dan pendapat secara kolektif.

Pengarah Acreda, Prof Madya Dr Mohd Rushdan



Dr Mohd Rushdan (tengah) bersama sebahagian peserta seminar.

Mohd Jailani berkata, bengkel yang dijalankan dalam keadaan santai dan perbincangan secara bersama itu, mampu melahirkan hasil yang terbaik.

"Kita yakin, melalui perbincangan dan perkongsian secara bersama, sudah pas-

ti banyak idea yang tercetus, dan boleh dijadikan sebahagian daripada data tambahan dalam menangani isu pemulihan dan pencegahan dadah dalam kalangan masyarakat.

"Malah melalui perbincangan kertas kerja oleh

pakar akademik, kaunselor, penyelidik, dan saintis, ia dapat memberi manfaat kepada para peserta, sekali gus membolehkan mereka mempraktikkan idea tersebut dalam kerja mahu pun tugas yang dilakukan," katanya ke-

REAKSI



“Seminar yang dianjurkan ini merupakan tempat terbaik untuk mendapatkan idea baru dalam misi membantu menyelesaikan kes-kes kaunseling yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.” - Radiatul Hudaa Dollah, 32, Guru Kaunseling

“Melalui seminar ini, saya dapat mempelajari bagaimana cara berdepan dengan kes-kes berkaitan pemulihan dan pencegahan dadah, selain mengaplikasikan maklumat diperoleh dalam kerjaya saya sebagai seorang kaunselor di sekolah.” - Wong Fui Fun, 42, Kaunselor



pada Sinar Harian.

Beliau berkata, hasil daripada seminar ini nanti, mereka akan membawa semua data dan maklumat ke peringkat berkaitan, khususnya kepada polisi yang terlibat dalam pemulihan dan pencegahan dadah.

Katanya, mereka perlu tahu, dalam usaha untuk men-

capai matlamat pemulihan dan pencegahan ini, ia perlulah bersifat holistik dan komprehensif, selain memerlukan strategi yang berkesan. *in*

"Kita mengharapkan seminar ini dapat memberi manfaat kepada 300 peserta yang mengikutinya, selain menambahkan ilmu pengetahuan masing-masing," katanya.